

25/02/1997

Kerajaan sedia terima teguran rakyat: PM

M Noh Senan; Asmad Ahmad

SEREMBAN, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan bersedia menerima sebarang teguran daripada rakyat walaupun ia kadangkala menerima kritikan terhadap beberapa tindakan yang dibuatnya.

Perdana Menteri berkata, adakalanya kerajaan dikritik kerana tidak berjaya menyelesaikan masalah tetapi beliau memberikan pengakuan bahawa ia (kerajaan) akan cuba menyelesaikan semua masalah yang timbul.

"Tetapi kadang-kadang susah hendak menyelesaikan semuanya kerana kini masalah terlalu banyak seperti sosial, lalu lintas dan perjalanan di jalan raya serta pelbagai masalah lain yang dihadapi," katanya pada jamuan makan malam amal di Padang NS di sini, malam ini. Majlis itu memungut RM10 juta yang disampaikan kepada Perdana Menteri.

Kira-kira 20,000 orang termasuk Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek; dan Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng hadir.

Perdana Menteri berkata, ada pihak yang menasihati kerajaan berbuat sesuatu tetapi selepas dibuat mereka menegur bahawa kononnya tindakan yang diambil itu tidak betul.

"Umpamanya di Kuala Lumpur, terlalu banyak kesesakan lalu lintas dan ada bas mini yang tidak menghiraukan peraturan lalu lintas, lalu mereka mengecam bas mini.

"Kitapun ambil tindakan untuk memberhentikan perkhidmatan bas mini bagi digantikan dengan bas yang lebih besar. Dengan serta-merta mereka mengecam kerajaan kerana bas yang lebih besar ini menimbulkan masalah," katanya.

Dr Mahathir berkata, langkah kerajaan mengadakan lorong khas bas dan teksi juga dikritik kerana kononnya ia menimbulkan kekeliruan kepada pengguna jalan raya.

"Kita tidak boleh membuat sesuatu yang boleh memuaskan (hati) semua orang.

"Tetapi sebagai kerajaan, kita terima teguran ... tolonglah nasihat kita supaya boleh dibetulkan lagi untuk kesejahteraan rakyat dan kita amat menghargai sokongan daripada rakyat," katanya.

Katanya, sokongan rakyat menentukan kerajaan Barisan Nasional yang ada sekarang dapat membangunkan Malaysia sehingga ia menjadi sebuah negara maju dan membolehkan Wawasan 2020 dicapai lebih awal.

Dr Mahathir berkata, kerajaan menghargai sokongan rakyat selama ini yang sewajarnya diteruskan bagi menjamin setiap orang terus menikmati keamanan.

"Pilihan raya yang diadakan setiap lima tahun memeri peluang kepada rakyat untuk menentukan kerajaan yang dipilih dan mereka sudah membuktikan memilih kerajaan yang boleh membawa keamanan, kestabilan dan kemakmuran," katanya.

Beliau berkata, rakyat memilih wakil untuk kebaikan mereka dan bukan pemimpin yang tidak membawa sebarang sumbangan kepada mereka serta negara.

"Malaysia mencatat kejayaan cemerlang sejak beberapa tahun. Ada di kalangan mereka mengembangkan perniagaan, bina kompleks beli-belah dan berniaga kecil-kecilan di tepi jalan.

"Apa yang dicapai itu adalah kejayaan kita ... inilah Malaysia kita. Kita boleh duduk dan makan beramai-ramai seperti malam ini. Inilah hasil pemilihan rakyat untuk mewujudkan kerajaan prihatin," katanya.

Sementara itu, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata tahun lalu adalah tahun yang cemerlang kepada BN khususnya di Negeri Sembilan

apabila menguasai semua kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen selepas kemasukan dua orang bekas pemimpin DAP iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Temiang, Lee Yuen Fong dan Adun Lobak, Khoo Seng Hock.

"Kita yakin sikap saling mempercayai antara satu sama lain, semangat bekerjasama dan persahabatan yang menjadi asas kejayaan kerajaan BN, akan terus bertambah kukuh," katanya.

Menurutnya, kerajaan berusaha meneruskan dasar ekonomi yang liberal dan pragmatik untuk menjamin peningkatan taraf dan mutu hidup rakyat.

Dalam pada itu, katanya, MCA memberi sokongan kepada usaha kerajaan BN untuk membina masyarakat prihatin serta mewujudkan satu sistem sosial yang lebih penyayang.

"Kita percaya kebajikan rakyat tidak hanya bergantung kepada kerajaan atau individu, tetapi bergantung juga kepada satu sistem kekeluargaan yang kukuh dan teguh," katanya.

(END)